

21/5/09 Khamis

Kapal terbakar jadi 'rebutan'

Utusan
Malaysia

JOHOR BAHRU 20 Mei – Kapal tangki Vertex yang terbakar di perairan Pengerang semalam, kini menjadi 'rebutan' antara pihak berkuasa maritim Malaysia dan Singapura.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Supritendan Osman Muhammad Sebot berkata, ini kerana pihak Jabatan Laut Malaysia mendakwa kapal itu berada di perairan negara manakala pihak Singapura berkeras menyatakan ia berada di perairannya.

"Saya dimaklumkan tentang isu ini oleh pihak Jabatan Laut dan sehingga 5 petang ini tiada kata putus mengenainya dan kapal tersebut masih berada di lokasi sama.

"Pihak Jabatan Laut mahu menunda kapal itu ke kawasan yang meliputi had perairan Pelabuhan Johor bagi mengelak ia mengganggu keselamatan serta laluan kapal lain, sebaliknya Singapura pula mahu menariknya ke kawasan pelabuhan mereka," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11 pagi kelmarin, kapal tangki Vertex, milik syarikat Singapura dengan 17 anak kapal yang membawa 2,000 tan metrik minyak kotor, terbakar di lokasi 3.3 batu nautika selatan Tanjung Setapa, Pengerang.

Lima belas anak kapal itu termasuk lima daripadanya yang melecur teruk berjaya diselamatkan Pasukan Gerakan Marin (PGM) dan Pihak Berkuasa Maritim Pelabuhan Singapura, manakala dua lagi anak kapal warga Indonesia belum ditemui.

Sementara itu, Osman berkata, sehingga petang semalam, dua mangsa yang hilang tersebut masih belum ditemui.